



TATACARA PENULISAN ABSTRAK BAGI KATEGORI PEMBENTANGAN POSTER
ABSTRACT SUBMISSION INSTRUCTIONS FOR POSTER PRESENTATION

1. Tajuk abstrak (*Abstract title*)

- Tajuk abstrak hendaklah menggunakan format tulisan Times New Roman bersaiz 12, *bold* dan *center*.
The abstract title should use Times New Roman font, size 12, bold, and center
- Sila gunakan huruf besar
Please use Capital letter

2. Perlu ada nama penulis, penulis yang boleh dihubungi /*correspondence author*, institusi dan emel penulis atau *correspondence author*. Nama pembentang perlulah digariskan dan format tulisan Times New Roman bersaiz 10, dan *center*.

There must be the author's name, the author who can be contacted /correspondence author, the institution, and the author's email or correspondence author. The name of the presenter must be underlined, typed using Times New Roman, size 10, and center.

3. Abstrak mestilah ditulis dalam satu perenggan dan tidak melebihi **300 patah perkataan**. Penyerahan abstrak mesti termasuk yang berikut: **Justifikasi, objektif, kaedah, keputusan dan kepentingan penyelidikan kepada sains**. Sertakan minimum 5 kata kunci yang relevan dengan abstrak.

*The abstract must be in one paragraph, and the word limit for the abstract is 300 words. Abstract submission must include the following: **Justification, objectives, methods, results, and significance of the research to the science**. Include minimum 5 keywords that best describe your abstract*

4. Abstrak boleh ditulis dalam Bahasa Inggeris **atau** Bahasa Malaysia.

Abstracts can be written either in English or Bahasa Malaysia.

5. Kandungan abstrak hendaklah menggunakan format tulisan **Times New Roman bersaiz 10**, dengan langkau 1.5 (*1.5 spacing*) pada format kertas bersaiz B5. Abstrak akan diterbitkan tepat seperti yang dihantar. Adalah tanggungjawab penulis untuk memastikan abstrak tersebut tepat dari segi kandungan, ejaan, dan penyampaian.

*Abstracts should be typed using **Times New Roman font, size 10**, with 1.5 line spacing on B5 paper format. The abstracts will be published exactly as submitted. It is the responsibility of the submitting author to supply the abstract with accuracy of content, spelling and presentation.*

6. Kata kunci hendaklah ditulis dengan meninggalkan satu baris ruang di bawah teks abstrak. *Keywords should be written leaving one-line space below the abstract text.*

7. Abstrak perlu di emel kepada pkmk2025@upm.edu.my dan menulis subjek emel "**Abstrak Pembentangan Poster PKMK2025**" sebelum atau pada 30 Mei 2025.

Abstracts must be emailed to pkmk2025@upm.edu.my, and the subject "PKMK2025 Poster Presentation Abstract" must be written before or on 30 May 2025.

8. Peserta persidangan yang menghantar abstrak akan dimaklumkan tentang status abstrak mereka dalam program persidangan.

Conference participants submitting abstracts will be notified of the status of their abstracts in the conference.



CONTOH PENULISAN ABSTRAK

**KELESTARIAN PRODUKTIVITI PERTANIAN UNTUK KETERJAMINAN
MAKANAN NEGARA**

Aminah Ismail¹, Nama Pembentang², dan Ilyas Hakim³

¹ Laboratori Pengeluaran Tanaman Makanan Pintar-Iklim

² Laboratori Produksi Haiwan Lestari dan Biodiversiti

³ Laboratori Keselamatan Makanan dan Integriti Makanan

Email penulis: pkmk2025@upm.edu.my

Jaminan sekuriti makanan merupakan satu isu utama di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Pelbagai dasar kerajaan seperti Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 telah dilancarkan bagi merealisasikan sekuriti makanan negara. Salah satu indikator utama bagi menentukan tahap keterjaminan makanan negara ialah ketersediaan bekalan makanan yang dihasilkan dalam negara sendiri. Oleh itu, produktiviti pengeluaran yang lestari dalam pertanian dan hasil makanan perlu ditingkatkan bagi mencapai tahap sara diri.

Kata kunci: Keterjaminan, pertanian, lestari (tidak melebihi 5 kata kunci)